



Suara

BANDARAYA

MEI-JUN 1997

NASKHAH PERCUMA

ISSN 0128 - 1194

LANSKAP BUKAN SAMPINGAN

Menurut Perdana Menteri, Dato' Seri Dr Mahathir Mohamad, lanskap bukan lagi satu aspek sampingan kepada pembangunan malah menjadi penyumbang penting kepada sektor pelancongan ekonomi negara. Kerajaan negeri dan pihak berkuasa tempatan

mesti melengkapkan **keupayaan organisasi dan kepakaran bagi menghasilkan produk lanskap yang tinggi, berkualiti, mantap dan efisien. Mereka harus bijak dan**

profesional dalam merancang serta melanskap sesuatu kawasan dengan mengambil kira kepentingan umum diatas segala kepentingan.

Beliau berkata, pembangunan ekonomi, penebangan pokok dan penerasan bukit yang bermaharajalela boleh menukar


kawasan bandar menjadi rimba batu. Sesuatu pembangunan tidak sah jika disertai dengan pemusnahan pokok. Kawasan semula jadi secara total mesti mengambil kira kepentingan alam sekitar. Sikap lebih mementingkan keuntungan yang maksimum, pembangunan tanpa perancangan jangka panjang dan penebangan pokok memusnahkan tuli dan meratakan bukit sesuka hati juga mesti dihentikan.

Katanya, aspek lanskap perlu diwajibkan dalam setiap projek pembangunan di setiap kawasan. Beliau berharap kerajaan negeri dan pihak berkuasa tempatan dapat menangani isu tersebut dengan mudah dan prihatin.

Di majlis Pelancaran Kempen Menanam Pokok Seluruh Negara di Taman Rekreasi Medan Idaman, KM 9, Jalan Gombak, selain Dato' Seri Dr Mahathir Mohamad, turut hadir Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan Datuk Tajul Rosli Ghazali dan Datuk Bandar Kuala Lumpur, Tan Sri Dato' Kamaruzzaman Shariff.



Dari kiri Dato' Seri Dr Mahathir Mohamad, Datuk Tajul Rosli Ghazali dan Tan Sri Dato' Kamaruzzaman Shariff di Majlis Pelancaran Kempen menanam pokok.



Rencana Menarik

SUARA BANDARAYA MEI-JUN 1997

- 1 Lanskap Bukan Sampingan 2 Rencana Menarik 3 Suara Editor/Teknologi
- Maklumat Perlu Komitmen 4 Hal-hal Lain/Harta Awam Milikmu Milikku /
- FUNCTIONS untuk Siapa? 5 *Kuala Lumpur: Climbing Towards Success* 6
- KL: A City Rich In History* 7 *DBKL: Making A High Commitment In Housing*
- 8 Samb Dari Muka 4 9 Gambar Kuala Lumpur Dalam Sejarah 10 Passenger
- Perlu Letak Jawatan 11 DBKL Kawal Pusat Hiburan 12 Operasi Pusat Hiburan
- 13 Pengangkutan Awam Sebagai Pilihan 14 Masyarakat Berbudaya, Bandaraya
- Cemerlang 15/16 Album Bandaraya 17 Operasi Stesen Minyak Haram 18
- Labu Jadi Pilihan 19 Warga Kota Lebih Sensitif 20/21 Anak-anak Perlu Diajar
- Berdikan 22 DBKL Lawat Ipoh & Ampang Jaya 23 Uji Dialog 24 Mangsa
- Tidak Disalahkan/Sajak 25 Jamilah Sedia Terima Cabaran 26 Ibrahim Omar
- Bertenaga 27 Samb Dari Muka 26 28 *Overcoming Vandalism: Society*
- Should Be Responsive*

Suara Bandaraya

EDITORIAL

Penasihat:

Sanusi bin Samid

Editor:

Md. Dahalan bin Md. Noor

Sub Editor

Wan Abdullah Wan Abd. Ghani

Jurufoto:

Mubarak Mohd Atan

Abdul Rani Mohd Sohor

Sumbangan

Kakitangan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur digalakkan menyumbang sebarang berita, rencana, karikatur mengenai aktiviti jabatan dan kakitangan untuk dimuatkan dalam Suara Bandaraya. Sumbangan ini boleh disampaikan kepada:

EDITOR

Suara Bandaraya, Bahagian Hal Ehwal Awam, Jabatan Pengurusan Organisasi, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, Jalan Raja Laut 50350 Kuala Lumpur atau berhubung dengan Encik Wan Abdullah Wan Abd. Ghani, Tel: 03-2916011 samb. 3855 dan Fax: 2980460

PERHATIAN

Semua pendapat dan fikiran dalam Suara Bandaraya tidak semestinya merupakan pendapat rasmi pentadbiran Dewan Bandaraya Kuala Lumpur.

NOMBOR TELEFON DBKL

Ibu Pejabat	
Bangunan DBKL	- 2916011
Hot Line (24 Jam)	- 4231127
Unit Kecemasan 24 Jam (JPBandar)	- 9843434
Skuad Penyelamat 24 Jam (DPenguatkuasaan)	- 4220033
Aduan Awam	- 2934531
Aduan JKAL	- 2915128
Aduan JPPerumahan	- 2912112
JPelaksanaan	- 2911686
JPenjaja	- 2986177
JPenguatkuasaan	- 2621988
JPengangkutan Bandar	- 4231133
JPPerumahan	- 2910555
Bhg. Keb. & Sukan	- 2938166
B Ukur Bahan	- 2933344
Pej. Caw. Cheras	- 4417011
Pej. Caw. Damansara	- 9711889
Pej. Caw. Daman	- 7182277
Pej. Caw. Kelang	- 7826117
Pej. Caw. Kepong	- 6272900
Pej. Caw. Setapak	- 4211142

TEKNOLOGI MAKLUMAT PERLU KOMITMEN

Kita harus ada pandangan jauh serta mempunyai semangat berselesa demi menyahut seruan kerajaan bagi menjayakan wawasan kebangsaan untuk mewakili perkembangan teknologi maklumat di Malaysia.

Pembangunan perusahaan teknologi maklumat tempatan adalah penting untuk membantu menjayakan usaha kerajaan demi memastikan kejayaan pembangunan Koridor Raya Multi Media (MSC) antara Kuala Lumpur dan Putra Jaya. MSC, ilham wawasan Perdana Menteri, Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad akan menjadi penting dalam mewujudkan jaringan pelbagai budaya secara meluas antara syarikat luar negara dan syarikat tempatan bekerjasama untuk mengeluarkan hasil-hasil baru serta memberi perkhidmatan kepada pengguna di seluruh Asia khususnya, dan dunia amnya. MSC akan menjadi peneraju utama dalam strategi pembangunan untuk mencapai kejayaan Wawasan 2020 yang menjadi idaman setiap rakyat.

Sebanyak tujuh perkara infrastruktur MSC telah dikenalpasti oleh kerajaan. Pertama, konsep kerajaan elektronik. Kedua, tele perubatan. Ketiga, rangkaian kerjasama antara universiti dengan pusat penyelidikan dan pembangunan membolehkan pelaksanaan pengajian jarak jauh. Keempat, penyelarasan pengeluaran dari kawasan terpencil dengan bantuan kejuruteraan membolehkan pertambahan kerjasama operasi tempatan oleh syarikat induk yang tinggal di luar Malaysia.

Kelima, persekitaran pemasaran tanpa sempadan bagi Malaysia untuk mencapai pasaran 2.5 bilion orang. Keenam, syurga kewangan dengan multi media canggih dihubungkan ke Pusat Kewangan Pesisiran Pantai Antarabangsa Labuan. Dan ketujuh, konsep penggabungan *nasional* kad serbaguna.

Kurun ke 21 yang hanya beberapa tahun lagi dari sekarang adalah era teknologi maklumat. Penggunaan dan penyesuaian ke dalam kehidupan manusia terbatas oleh khayalan kita. Beberapa kejayaan dalam penggunaannya di bidang kewangan, perdagangan, pembuatan serta di sektor ekonomi dan bukan ekonomi terbukti mencapai kejayaan cemerlang. Kenaikan produktiviti, kecekapan serta teras kehidupan yang baik merupakan kejayaan dari segi penggunaan teknologi maklumat.

Di segi hubungan dalam pentadbiran bandar raya, penggunaan teknologi maklumat telah meningkat dan penting dalam bidang perancangan kegunaan tanah di bandar, pengangkutan, pengurusan, penilaian harta juga lesen perniagaan.

Pembangunan dan penggunaan G.I.S. serta bantuan sistem pengurusan maklumat untuk tujuan perancangan bandar serta pengurusan, terutama sekali di DBKL akan membuktikan kecekapan menambahkan produktiviti di segi pentadbiran. Keberkesanan teknologi maklumat dalam menangani masalah di bandar melalui pemasangan sistem pengawasan dan kemalangan lalu lintas adalah ruang baru yang mungkin boleh diterokai oleh pihak berkuasa.

Perusahaan teknologi maklumat di Malaysia mengalami pertambahan dan perubahan penting, walaupun begitu profesional teknologi maklumat Malaysia tidak seharusnya cepat berpuas hati tetapi terus berusaha memperbaiki, meningkatkan kemahiran dan prihatin dengan perkembangan negara maju.

Mereka seharusnya terlibat dengan cemerlang dan bermurah hati untuk berkongsi serta menyalurkan kemahiran daripada pengetahuan kepada yang lain. Dengan kata lain, Malaysia akan mempunyai ramai pakar yang akan membolehkan perusahaan teknologi maklumat Malaysia bertahan dan bertambah dalam persaingan mantap di pasaran dunia.

Dalam usaha untuk mencapai kejayaan, kerajaan telah berjanji untuk menawarkan beberapa bantuan dan insentif untuk membangunkan perusahaan teknologi maklumat di negeri ini. Kesemua bantuan dan perangsang ini akan digabungkan sebagai jaminan dalam multi media untuk memberikan suasana pelaburan yang baik dalam perusahaan teknologi maklumat.